



Kejayaan vaksinasi ‘kunci’ penyelamat nyawa, ekonomi

Jutaan manusia di seluruh dunia sudah mula menerima suntikan vaksin COVID-19. Penerima vaksin dijangka imun terhadap jangkitan bermula hari ketujuh selepas suntikan susulan kedua diterima.

Kesan sampingan selepas suntikan vaksin bukan indikator mutlak ia tidak selamat, sebaliknya memberi isyarat sistem imun tubuh sedang berfungsi dan bertindak balas terhadap suntikan diterima.

Keadaan ini dikenali *reaktogenisiti* merujuk kesan sampingan berlaku selepas suntikan vaksin seperti sakit di tempat suntikan, keletihan, sakit kepala, otot dan sendi.

Kajian menunjukkan keberkesanan vaksin COVID-19 dihasilkan antara 70 hingga 95 peratus, termasuk terhadap varian baharu hasil mutasi.

Di Malaysia, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dijangka bermula hujung bulan ini. Proses pendaftaran sebagai penerima vaksin bagi orang ramai dijangka dibuka Mac ini dan dilaksanakan dengan konsep sukarela.

Hakikatnya, sokongan padu semua pihak perlu kerana negara yang melaksanakan program imunisasi mula menunjukkan pemulihan terhadap aspek ekonomi mereka.

Justeru, sebarang gangguan terhadap Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dan keadaan pandemik yang berterusan, akan mengundang ketidaktentuan ekonomi yang turut memberi impak kepada kesejahteraan masyarakat keseluruhan.

Kerajaan dilaporkan memberi vaksin secara percuma kepada semua rakyat untuk sasaran 80 peratus penduduk atau bersamaan 26 juta individu.

Bagi memastikan keberkesanan, suntikan vaksin perlu meliputi 70 peratus keseluruhan penduduk, walaupun para kesihatan awam berpendapat kadar itu harus dinaikkan melangkaui 80 peratus, sebelum imuniti kelompok berupaya dicapai dalam kalangan masyarakat dengan membentuk antibodi yang cukup ramai sehingga virus tidak menjangkiti penduduk di negara ini.

Kerajaan memberi jaminan vaksin terbaik yang selamat, berkualiti dan efektif sahaja akan diberikan kepada rakyat dan tiada kompromi bagi tahap keselamatan dan keberkesanan vaksin yang diguna pakai.

Namun, kaji selidik dijalankan Kementerian Kesihatan (KKM) pada Disember lalu melaporkan, hanya 67 peratus 212,006 responden dalam kalangan rakyat Malaysia bersetuju menerima vaksin COVID-19.

Isu penghasilan vaksin yang terlalu cepat, penggunaan teknik mRNA untuk

vaksin, kesan sampingan dan berapa lama imunisasi dapat bertahan dalam badan antara faktor mengapa masih ramai menolak program pelalian itu.

Ini menunjukkan masih wujud mereka yang tidak mendapat maklumat tepat mengenai keperluan mengambil vaksin, kerana percaya vaksin sering kali menyebabkan kemudaratan.

Jika diimbau, Pelan Imunisasi Kebangsaan diperkenalkan pada 1950 menyelamatkan dua hingga tiga juta nyawa rakyat Malaysia setiap tahun daripada pelbagai penyakit cegahan vaksin.

Ini menunjukkan proses vaksinasi berjaya mengurangkan dengan ketara kadar kematian akibat penyakit cegahan vaksin.

Umumnya, vaksin menjalani ujian rapai untuk memastikan ia selamat sebelum dapat diperkenalkan di sebuah negara, termasuk di Malaysia. Secara amnya, vaksin akan diuji buat kali pertama pada haiwan untuk menilai keselamatan dan potensi bagi mencegah penyakit.

Seterusnya, ia diuji dari segi keberkesanan dan keselamatan dalam ujian klinikal manusia di bawah seliaan badan tertentu mengikut piawaian ketat seperti Pusat Pencegahan dan Kawalan Penyakit (CDC) dan Pentadbiran Makanan dan Ubat-Ubatan (FDA) di Amerika Syarikat dan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO).

Di Malaysia, KKM melalui Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) menjalankan penyelidikan dan ujian ra-

pi sebelum meluluskan sesuatu vaksin dan ia perlu memenuhi semua tiga ciri utama iaitu selamat, berkesan dan stabil. Justeru, masyarakat tidak perlu bimbang.

Malaysia akan memulakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan secara tiga fasa, dengan sasaran 126,000 penerima vaksin sehari mulai 26 Februari ini.

Lantaran, semua pihak perlu berusaha meyakinkan sebanyak mungkin ahli masyarakat untuk mengambil suntikan vaksin COVID-19.

Kegusaran masyarakat perlu ditangani segera pihak berwajib, dengan kempen besar-besaran perlu dilaksana KKM untuk memberi penerangan berterusan

supaya dapat memupuk pemahaman mengenai kepentingan vaksin COVID-19.

Tindakan tegas juga perlu diambil terhadap individu atau organisasi yang cuba menghasut dasar kerajaan, dengan menyebarkan berita palsu berkaitan COVID-19 dan vaksin.

Realitinya, jutaan orang menjadi miskin akibat pandemik COVID-19 dan di Malaysia, jumlah mereka yang menganggur sehingga Disember tahun lalu meningkat kepada 773,000 atau bersamaan 4.8 peratus.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pula menunjukkan pengcupan saiz ekonomi negara 5.6 peratus pada 2020. Ia memberi kesan negatif yang besar kepada kedudukan ekonomi negara.

Nilai kerugian RM2.4 bilion sehari direkodkan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada Mac tahun lalu, manakala kerugian RM300 juta sehari ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Sektor pelancongan negara antara terjejas teruk ketika pelaksanaan PKP dan PKPB dengan kerugian RM45 juta bagi tempoh Mac hingga Julai tahun lalu.

Melihat situasi ini, perlu ada suatu tindakan tuntas menerusi PKP. Pasti Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan satu daripada kaedah berkesan.

Program vaksinasi dirancang kerajaan untuk rakyat penting bagi mewujudkan imuniti kelompok, sekali gus membolehkan ekonomi negara kembali pulih, seperti dilalui negara yang sudah melancarkan program imunisasi COVID-19.

Bagi Malaysia, Bank Dunia meramalkan ekonomi negara akan kembali berkembang pada kadar 6.7 peratus bagi 2021. Ia tertakluk kelancaran dan keberkesaan program imunisasi, peningkatan kedudukan eksport negara serta tahap pelaburan di Malaysia.

Justeru, untuk memastikan ramalan ini menjadi realiti, kejayaan pelaksanaan program imunisasi kebangsaan amatlah penting kerana negara bebas COVID-19 menjadi keutamaan pelabur asing.

Lantaran itu, pelaburan negara untuk pembelian vaksin sangat kritikal dan pasti memberikan pulangan berlipat ganda pada masa terdekat, khususnya mempercepatkan usaha merancakkan kembali ekonomi negara.

Penulis adalah Profesor Madya di Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM)

